**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 1**
**RUANGAN : NASIONAL**



# HTA lakar sejarah pisah bayi kembar siam pramatang

Hospital Tunku Azizah (HTA), di Kuala Lumpur, melakar sejarah apabila pasangan kembar siam pramatang seberat 2.7 kilogram (kg), yang pertama di Malaysia berjaya dipisahkan, malam kelmarin. Pembedahan pasangan kembar berusia 17 hari itu dilaksanakan dengan jayanya oleh sekumpulan 13 doktor pakar, termasuk enam pakar bedah dari seluruh negara diketuai Datuk Dr Zakaria Zahari dengan dibantu 20 jururawat dan staf dewan bedah kanak-kanak. Nasional 3 (Foto Facebook HTA)

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NASIONAL**

# HTA lakar sejarah pisah bayi kembar siam pramatang

## Pasangan dapat dipisahkan 66 minit tanpa komplikasi utama

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my



Doktor pakar Hospital Tunku Azizah melakar sejarah apabila melakukan pembedahan memisahkan bayi kembar siam pramatang seberat 2.7 kilogram, semalam. (Foto ihsan KKM)

**Kuala Lumpur:** "Ini keajaiban daripada Tuhan," kata Deborah Anne Vince, 29, ibu pasangan kembar siam pramatang seberat 2.7 kilogram (kg), kes pertama yang berjaya dipisahkan oleh pakar dari Hospital Tunku Azizah (HTA), di sini malam kelmarin.

Pembantu klinik itu berkata, sejak tahu bayi dikandungnya kembar siam pada usia kandungan 20 minggu, beliau sama sekali tidak mengeluh, sebaliknya menerima ketentuan dan yakin Tuhan memberikan yang terbaik.

Malah, selepas diberitahu doktor bahawa pembedahan terhadap pasangan kembar itu berisiko dan beliau mungkin kehilangan seorang atau kedua-duanya sekali, jauh di sudut hatinya, Deborah masih yakin dan berharap sepenuhnya pada Tuhan bahawa kedua-dua anaknya akan selamat.

Kini, ibu kepada Daelan Hope Marshall dan Daevyn Hope Marshall ini mampu tersenyum apabila kedua-dua bayinya stabil selepas melalui proses pembedahan selama 66 minit. Daelan dan Daevyn adalah anak kedua Deborah dan suami, David Marshall, 34, selepas anak sulung yang kini berusia 7 tahun.

"Ketika saya membuat pemeriksaan di Hospital Taiping pada kandungan berusia 20 minggu, kandungan dikatakan mungkin kembar siam. Ketika itu, saya tidak persoal kenapa jadi dekat saya, sebaliknya saya berpegang dengan apa sahaja kemungkinan kerana yakin Tuhan akan memberikan yang terbaik.



Gambar pasangan kembar siam sehari sebelum dipisahkan. (Gambar ihsan keluarga)

"Malah, apabila doktor beritahu pembedahan yang ingin dilakukan ini berisiko, saya pujuk hati, saya tidak sedih kerana yakin dengan ketentuan Tuhan," katanya kepada *BH* sambil mengucapkan penghargaan kepada pasukan pembedahan HTA yang bertungkus-lumus menyelamatkan kedua-dua anaknya.

Katanya, selepas pembedahan, beliau gembira dan bahagia mengetahui anak berada dalam keadaan yang baik dan stabil.

"Sebelum pembedahan, anak saya disyaki berkongsi usus dan hempedu, namun ketika pembedahan dilakukan mereka didapati hanya berkongsi hati. Besar impian saya untuk melihat kedua-dua anak saya terus sihat selepas ini," katanya yang berasal dari Taiping, Perak.

Terdahulu, Pakar Perunding Pembedahan Kanak-Kanak HTA, Datuk Dr Zakaria Zahari, berkata pembedahan seumpama itu biasanya dilakukan ketika usia bayi antara tiga hingga enam bulan, namun disebabkan komplikasi 'extrauterine twin-to-twin transfusion syndrome', pasangan kembar lelaki itu terpaksa dibedah segera.

"Bayi kembar ini dilahirkan di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh pada usia 33 minggu kandungan dan dirujuk oleh Pakar Neonatologi HRPB, Dr Maneet Kaur untuk rawatan lanjut di HTA. Selepas perbincangan doktor pakar HRPB dan HTA pada 15 Mac lalu, keputusan untuk melakukan pembedahan berisiko tinggi itu disepakati," katanya.

Dalam kenyataan melalui Facebook HTA, Dr Zakaria berkata, pasukannya disertai 13 doktor pakar, termasuk enam pakar bedah kanak-kanak dari seluruh negara, selain hampir 20 jururawat dan staf dewan bedah kanak-kanak.

Katanya, pasangan kembar siam jenis Omphalophagus itu berjaya dipisahkan dalam masa 66 minit tanpa komplikasi utama dan didapati berkongsi bahagian hati, manakala organ lain didapati normal.

"Proses persediaan untuk pembedahan dimulakan seawal jam 7.30 pagi dan kedua-dua bayi kemudian dihantar balik ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) jam 2 petang. Dengan sokongan pasukan Neonatologi, diharapkan kedua-dua bayi ini dapat sembuh sebaik-baiknya," katanya memaklumkan, pembedahan itu adalah yang ketiga bagi pasangan bayi kembar siam dilaksanakan di HTA.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, mengucapkan tahniah kepada pasukan HTA atas kejayaan pembedahan pasangan kembar siam yang paling muda itu.

"Pembedahan ini berjaya memisahkan pasangan bayi kembar yang bercantum bahagian dada dan usus. Tahniah dan syabas kepada pasukan HTA yang diketuai Datuk Dr Zakaria kerana berjaya memisahkan bayi kembar ini dan kini mereka dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)," katanya melalui Twitter.

**AKHBAR** : HARIAN METRO
**MUKA SURAT** : 2
**RUANGAN** : LOKAL




PASUKAN doktor pakar berjaya melakukan pembedahan memisahkan bayi kembar Siam pramatang seberat 2.7 kilogram di HTA. - Gambar IHSAN KKM

# Sejarah pisah kembar 17 hari

***Pasukan doktor di HTA berjaya lakukan pembedahan berisiko tinggi terhadap bayi pramatang***

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Hospital Tunku Azizah (HTA) melakar sejarah apabila kembar Siam pramatang seberat 2.7 kilogram berjaya dipisahkan, kelmarin.

Pakar Perunding Pembedahan Kanak-Kanak HTA Datuk Dr Zakaria Zahari berkata, pembedahan seumpama biasanya dilakukan pada usia tiga hingga enam bulan.

Namun, katanya, disebabkan komplikasi *extrauterine twin-to-twin transfusion syndrome*, pasangan ini terpaksa menjalani pembedahan segera pada usia 17 hari.

"Bayi kembar lelaki ini dilahirkan di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh pada usia 33 minggu kandungan dan dirujuk Pakar Neonatologi HRPB Dr Maneet Kaur Ranjuth Singh untuk rawatan lanjut di HTA.

"Selepas perbincangan antara doktor pakar HRPB dan HTA secara atas talian pada 15 Mac lalu, keputusan melakukan pembedahan berisiko tinggi itu disepakati," katanya.

Beliau berkata, kelmarin pasukan beliau disertai enam pakar bedah kanak-kanak dari seluruh Malaysia dan pasukan bius kanak-kanak diketuai Dr Intan Zarina Fakir Mohamed dan Dr Ruwaida Isa bersama 20 jururawat dan staf dewan bedah kanak-kanak berjaya memisahkan kembar ini dalam masa 66 minit tanpa komplikasi *major*.

Menurutnya, kembar Siam jenis *Omphalophagus* ini didapati berkongsi bahagian hati manakala organ lain didapati normal.

"Proses persediaan untuk pembedahan dimulakan seawal jam 7.30 pagi dan kedua-dua bayi kemudiannya dihantar balik ke unit rawatan rapi neonatal (Nicu) pada jam 2 petang.

"Dengan sokongan pasukan Neonatologi yang diketuai oleh Dr Neoh Siew Hong dan jururawat Nicu HTA, diharapkan kedua-dua bayi ini dapat sembuh dengan sebaik-baiknya," katanya.

Beliau berkata, sejak pembukaan HTA, ini pembedahan ketiga untuk pasangan bayi kembar siam.

Doktor pakar lain yang terbabit secara langsung dalam pembedahan ini ialah Dr Mughni Bahari, Dr Mohd Tarmizi Md Nor, Dr Nurdaliza Mohd Badarudin, Dr Hafatin Fairos Tamadun, Dr Mohd Yusran Othman, Dr Cheng Joo Qing, Dr Rohanizah Alias, Dr Zubaidah Zulkipeli dan Dr Elaine Wong Ee Lane.

## Seri Paduka, Tunku Azizah zahir tahniah

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Hospital Tunku Azizah (HTA) Kuala Lumpur atas kejayaan pembedahan pemisahan pasangan kembar Siam pramatang pertama negara.

Menerusi catatan di laman Facebook Istana Negara, Seri Paduka berdua menzahirkan rasa sukacita dan bangga atas kejayaan itu yang sekali gus mencipta sejarah sebagai pembedahan pertama seumpamanya di Malaysia.

Pembedahan pasangan kembar berusia 17 hari yang dilaksanakan dengan jayanya kelmarin diketuai Datuk Dr Zakaria Zahari dan membabitkan 13 doktor pakar termasuk enam pakar bedah kanak-kanak dari seluruh negara serta 20 jururawat dan staf dewan bedah kanak-kanak.

Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah turut menzahirkan rasa syukur apabila pasangan bayi kembar Siam jenis Omphalophagus itu berjaya dipisahkan tanpa komplikasi.

"Seri Paduka berdua mendoakan agar pasangan bayi kembar Siam tersebut dalam keadaan yang baik dan segera pulih serta dapat menjalani kehidupan seperti kanak-kanak lain," menurut catatan itu.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : COVID-19**

**22,341 KES BAHARU KELMARIN**

# 50 kes kategori lima

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Jumlah kes harian Covid-19 kelmarin mencatatkan penurunan kepada 22,341 kes berbanding 24,241 kes yang dilaporkan, Jumaat lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, data terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif individu dijangkiti virus berkenaan mencecah 3,974,019 kes.

"Daripada jumlah itu, 21,817 kes membabitkan penularan tempatan dengan 524 kes import yang mendapat jangkitan luar negara.

"Sebanyak 10,181 kes (45.57 peratus) membabitkan pesakit kategori satu manakala kategori dua 12,007 kes (53.75 peratus), kategori tiga 58 kes (0.26 peratus) diikuti kategori empat dan lima masing-masing 45 kes (0.20 peratus) dan 50 kes (0.22 peratus)," katanya.

Menurutnya, daripada jumlah keseluruhan 153 kes kategori tiga hingga lima, 48 kes (31.37 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, 61 kes (39.87 peratus) menerima dua dos vaksin, tetapi belum menerima dos penggalak dan 44 kes (28.76 peratus) menerima dos penggalak.

"Sebanyak 96 kes (62.75 peratus) berumur 60 tahun dan ke atas serta 71 kes (46.41 peratus) mempunyai komorbid.

"Sebanyak 390 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) iaitu 160 kes disahkan Covid-19 serta 230 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan selain kes memerlukan bantuan pernafasan ialah 219 kes.

"Selain itu, 33,347 kes dilapor sembuh menjadikan 3,656,415 kes kumulatif atau 92 peratus yang pulih setakat ini," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, ada enam kluster baharu dikesan dengan 316 kluster masih aktif.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 7**
**RUANGAN : COVID-19**

SEMPADAN NEGARA DIBUKA 1 APRIL

# Perlu jalani RTK-Ag

**Sepang**

Malaysia menyediakan protokol untuk pengembara sempena pembukaan semula sempadan negara pada 1 April bagi menjadikan Malaysia destinasi selamat serta mengelakkan kesesakan di pintu masuk antarabangsa.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata protokol itu antara lain memerlukan pengembara memuat turun aplikasi MySejahtera, memuat naik keputusan ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) sebelum berlepas dan mengisi borang prapelepasan.

"Banyak syarat prapelepasan yang perlu diselesaikan pengembara. Pengembara akan mendapat kad pengembara dalam aplikasi MySejahtera apabila semua syarat itu dilengkapkan untuk dibenar menaiki pesawat," katanya.

Khairy berkata demikian dalam sidang media bersama Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong kelmarin selepas meninjau kesiapsiagaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini sempena pembukaan sempadan negara bermula 1 April ini.

Apabila tiba di Malaysia, pengembara perlu membuat ujian pantas antigen (RTK-Ag) profesional dalam masa 24 jam sama ada di dalam lapangan terbang atau di klinik atas kos sendiri, katanya.

Khairy berkata kaedah ujian Covid-19 melalui pernafasan juga disediakan di KLIA bagi pengembara yang ingin menyelesaikan saringan di dalam lapangan terbang.

"Ujian pernafasan itu sudah diluluskan KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan selepas diuji mendapati ketepatan dan sensitiviti memuaskan," katanya.

Khairy berkata protokol itu dapat mengurangkan masa daripada pendaratan hingga keluar dari lapangan terbang kepada antara 35 dan 45 minit seperti dahulu berbanding sebelum ini yang mengambil masa lebih sejam.

Menurut Khairy, prinsip kerajaan dalam pembukaan sempadan negara adalah selamat dan tiada birokrasi seperti pemakaian pengesan digital.

"Bermula 1 April, Malaysia akan dibuka semula kepada dunia dan ini merancakkan pembangunan dan pemulihan ekonomi negara memandangkan sektor pelancongan menyumbang lebih 15 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara termasuk pengembara perniagaan," katanya.



BERMULA pada 1 April, pengembara yang tiba di pintu sempadan antarabangsa perlu membuat ujian professional kit ujian pantas antigen (RTK-Ag) dalam masa 24 jam sama ada di dalam lapangan terbang atau di klinik dengan mengeluarkan kos sendiri.

> *Ujian pernafasan sudah diluluskan KKM dan selepas diuji mendapati ketepatan dan sensitiviti memuaskan"*
>
> **Khairy**

# Kanak-kanak tak vaksin terdedah komplikasi MIS-C

**Bagan Serai:** Kanak-kanak yang tidak menerima vaksinasi Covid-19 terdedah kepada komplikasi sindrom sistem radang berbilang (MIS-C) sekiranya dijangkiti virus itu, kata Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Beliau berkata, kumpulan kanak-kanak ini dianggap berisiko tinggi dan terdedah komplikasi itu kerana mereka sentiasa dalam kalangan orang dewasa terutama ibu bapa.

"Peratusan kanak-kanak untuk mendapat gejala termasuk MIS-C ini rendah sekiranya mereka sudah divaksin (Covid-19), malah peratusan mengalami anafilaksis akibat suntikan vaksin Pfizer dan Sinovac juga rendah.

"Sebagai contoh 8.7 juta kanak-kanak di Amerika Syarikat menerima vaksin Covid-19, hanya 11 daripadanya mendapat kesan advers susulan imunisasi (AEFI)," katanya kepada media selepas melancarkan Program Pelancongan Domestik Mukim Gunung Semanggol di sini, kelmarin.

# Kes Covid-19 Singapura melepasi angka sejuta

**Singapura:** Angka kes Covid-19 Singapura melebihi satu juta selepas republik itu melaporkan 10,244 kes harian baharu pada Sabtu, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 1,007,158 kes.

Republik itu turut melaporkan tiga kematian, menurut Kementerian Kesihatan (MOH) dalam data yang disiarkan di laman webnya kelmarin.

Singapura yang melaporkan kes pertama Covid-19 pada Januari 2020 mencatatkan 1,194 kematian setakat ini.

Sepanjang 28 hari lepas, 435,235 orang dijangkiti dengan 99.7 peratus bergejala ringan manakala 0.2 peratus memerlukan bantuan oksigen dan 0.04 peratus pesakit di unit rawatan rapi.

Singapura melaporkan kes baharu Covid-19 harian tertinggi iaitu 26,032 pada 22 Februari 2022.

Sehingga 18 Mac 2022, 95 peratus daripada penduduknya melengkapkan vaksinasi mereka dan 70 peratus daripada jumlah populasi telah menerima suntikan penggalak.

# 34.9 peratus kanak-kanak terima dos pertama vaksin

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 1,239,194 individu atau 34.9 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web Covidnow, bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,842,480 individu atau 91.4 peratus daripada kumpulan itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,941,159 atau 94.6 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sejumlah 15,446,895 individu atau 65.7 peratus populasi dewasa di dalam negara pula sudah menerima dos penggalak dan seramai 22,941,756 atau 97.5 peratus lengkap vaksinasi manakala 23,217,449 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 40,418 dos vaksin sudah diberikan kelmarin membabitkan 18,273 suntikan pertama, 1,709 suntikan lengkap dan 20,436 suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) meningkat kepada 68,418,688 dos.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 85 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Johor merekodkan kematian tertinggi sebanyak 18 kes diikuti 17 kes di Perak, Selangor (15), Kedah (10) dan Pulau Pinang (lima).

Pahang dan Melaka masing-masing empat kes, Kuala Lumpur dan Kelantan masing-masing tiga kes, dua kes masing-masing di Sabah dan Sarawak manakala satu kes di Terengganu dan Putrajaya.



ORANG ramai kini boleh membuat janji temu suntikan dos penggalak vaksin Covid-19 menerusi Booking Management System dalam aplikasi MySejahtera untuk tempahan slot bermula 21 Mac di seluruh negara. Kemudahan tempahan itu dilaksanakan hasil inisiatif kerajaan, selain janji temu yang sudah ditetapkan aplikasi MySejahtera. Ia bertujuan meluaskan lagi liputan dan mempercepatkan suntikan dos penggalak dalam kalangan rakyat Malaysia sebelum status vaksinasi penuh ditarik balik daripada penerima vaksin primer lengkap (dos 1 dan 2) bagi yang tidak mendapatkan dos penggalak selewat-lewatnya 31 Mac ini.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 5**
**RUANGAN : NEGARA**

# Pakar HTA berjaya pisahkan kembar Siam berusia 17 hari

**PETALING JAYA** – Malaysia mencatat sejarah apabila sepasang kembar siam pramatang berusia 17 hari berjaya dipisahkan dalam satu pembedahan di Hospital Tunku Azizah (HTA), Kuala Lumpur semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pasangan itu telah dilahirkan pramatang pada usia 33 minggu dan adalah kembar Siam paling muda dibedah.

"Pembedahan memisahkan pasangan bayi kembar yang bercantum pada bahagian dada termasuk bahagian hati dan usus itu mengambil masa selama 10 jam.

"Sebanyak tujuh beg darah termasuk komponen darah juga diperlukan bagi memastikan kestabilan dan keselamatan kedua-dua bayi itu sepanjang pembedahan," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan tahniah dan ucapan terima kasih kepada pasukan HTA yang diketuai oleh Datuk Dr. Zakaria Zahari.

"Tahniah dan terima kasih kepada pasukan HTA dalam usaha menyelamatkan bayi kembar ini. Alhamdulilah, kini bayi kembar ini berjaya dipisahkan dan masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)," ujarnya.

Sementara itu, Pakar Perunding Pembedahan Kanak-Kanak HTA, Datuk Dr. Zakaria Zahari berkata, pasukannya itu disertai oleh enam Pakar Bedah Kanak-Kanak yang diketuai oleh Dr. Intan Zarina dan Dr. Ruwaida, berserta hampir 20 jururawat dan staf dewan bedah kanak-kanak.

Dalam pada itu, katanya, dengan sokongan pasukan Neonatologi yang diketuai oleh Dr. Neoh dan jururawat NICU HTA, diharapkan kedua-dua bayi ini dapat sembuh dengan sebaik-baiknya.

Menurutnya lagi, semenjak pembukaan HTA, ini merupakan pembedahan ketiga untuk pasangan bayi kembar Siam.



**BARISAN pasukan perubatan HTA, Kuala Lumpur yang berjaya memisahkan pasangan kembar Siam berusia 17 hari.**

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 12**
**RUANGAN : NEGARA**

## HTJ siasat dakwaan adik mangsa di media sosial

# Badan Jahidah penuh kudis, berdaki teruk

**Oleh NOR SHAFAWATI YUP**

**SEREMBAN** – Satu pasukan khas telah ditubuhkan pihak Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) di sini bagi menyiasat sebuah video tular berkaitan waris pesakit yang tidak berpuas hati dengan penjagaan kakaknya di wad 6A hospital tersebut.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS), Datuk Dr. Harlina Abdul Rashid berkata, pasukan khas itu yang terdiri daripada pakar dan pegawai perubatan telah memulakan siasatan dalaman bagi menyiasat isu tersebut secara teliti.

"HTJ telah mengambil tindakan menghubungi pengadu bagi mendapatkan gambaran lebih terperinci mengenai perkara yang telah dibangkitkan.

"JKNNS memandang serius isu itu dan memohon semua pihak untuk tidak membuat sebarang andaian sehingga siasatan dalaman ini selesai sepenuhnya," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, pihak JKNS akan memaklumkan sebarang perkembangan dari semasa ke semasa.

Baru-baru ini telah tular sebuah video yang dimuat naik waris pesakit di aplikasi TikTok yang memaparkan keadaan kakaknya yang didakwa tidak dijaga dengan baik di wad 6A HTJ.

Menerusi video berkenaan berdurasi 17 saat itu ditunjukkan kaki pesakit yang berkudis dan luka 'bedsore' di belakang badannya semakin teruk, malah waris memaklumkan badannya kurus kering dan badan berdaki hitam sebaik saja dibenarkan keluar dari hospital.

Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan keadaan fizikal mangsa keganasan rumah tangga yang koma dipukul suami, Jahidah Nordin, 43, berubah menjadi kurus selain luka 'bedsore' di belakang badannya semakin teruk selepas dibenarkan keluar dari Wad HTJ di sini, 11 Mac lalu.

Adiknya, Fauziah Nordin, 40, sangat sedih melihat keadaan Jahidah, selain mempersoalkan sama ada pihak hospital wad 6A menjaga kakaknya dengan baik atau tidak, memandangkan Jahidah pernah dimasukkan ke wad bersalin hospital sama tetapi keadaannya baik sepanjang sebulan dirawat di situ.

"Saya terkejut apabila melihat keadaan kakak yang sangat kurus. Kakinya dipenuhi kudis dan saya juga mendapati 'bedsore' yang sebelum ini sudah pulih kini sangat teruk.

"Kakak seolah tidak dijaga dan diabaikan dengan kuku tangan dan kakinya panjang. Selepas dibawa balik saya mengelap badannya dan terpaksa menukar air beberapa kali kerana daki banyak sangat," katanya ketika ditemui di rumahnya di Bandar Sri Sendayan di sini baru-baru ini.



**FAUZIAH (kiri) menunjukkan keadaan kaki Jahidah berkudis ketika ditemui di Bandar Sri Sendayan, Seremban baru-baru ini.** – SHAHJEHAN MAÀMIN

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 13**
**RUANGAN : NASIONAL**

## Agong, Raja Permaisuri zahir ucapan tahniah kepada HTA

**SHAH ALAM** - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menzahirkan ucapan tahniah kepada Hospital Tunku Azizah (HTA) di atas kejayaan pembedahan pemisahan pasangan kembar siam pramatang pertama di Malaysia.

Menerusi catatan di laman Facebook Istana Negara, Seri Paduka Baginda berdua turut menzahirkan rasa sukacita dan bangga atas kejayaan pasukan itu yang sekali gus mencipta sejarah sebagai pembedahan pertama seumpamanya di Malaysia.

"Seri Paduka berdua menzahirkan rasa syukur apabila pasangan bayi kembar siam jenis omphalophagus tersebut berjaya dipisahkan tanpa komplikasi.

"Baginda berdua turut mendoakan agar pasangan bayi kembar siam tersebut berada dalam keadaan yang baik dan segera pulih serta dapat menjalani kehidupan seperti kanak-kanak lain," menurut kenyataan Istana Negara.

# 66 minit pisahkan kembar siam

HTA lakar sejarah berjaya lakukan pembedahan ke atas kembar siam pramatang berusia 17 hari

**KUALA LUMPUR**

Malaysia melakar sejarah apabila kembar siam pramatang yang baru berusia 17 hari berjaya dipisahkan menerusi satu pembedahan dijalankan di Hospital Tunku Azizah (HTA) pada Sabtu.

Pakar Perunding Pembedahan Kanak-Kanak HTA, Datuk Dr Zakaria Zahari berkata, pembedahan ke atas bayi lelaki seberat 2.7 kilogram itu terpaksa dilakukan segera disebabkan komplikasi *extrauterine twin-to-twin transfusion syndrome*, meskipun pembedahan seumpama itu biasanya dilakukan pada umur tiga hingga enam bulan.

Menurutnya, pasangan kembar tersebut berjaya dipisahkan dalam masa 66 minit tanpa komplikasi besar.

"Kembar siam jenis omphalophagus ini didapati berkongsi bahagian hati namun organ-organ lain didapati normal.

"Proses persediaan untuk pembedahan dimulakan seawal jam 7.30 pagi dan kedua-dua bayi kemudiannya dihantar balik ke unit rawatan intensif neonatal (NICU) pada jam 2 petang.

"Dengan sokongan pasukan Neonatologi HTA, diharapkan kedua-dua bayi ini dapat sembuh dengan sebaiknya," katanya dalam satu kenyataan menerusi Facebook HTA pada tengah malam Sabtu.

Bayi kembar berkenaan dilahirkan di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh pada usia 33 minggu kandungan sebelum kes dirujuk kepada HTA.

Seramai 13 pakar serta hampir 20 jururawat dan staf dewan bedah kanak-kanak terlibat secara langsung bagi menjayakan pembedahan bersejarah yang melibatkan bayi kembar siam pramatang pertama di dalam negara dipisahkan.

Untuk rekod, sejak pembukaan HTA, ini merupakan pembedahan ketiga untuk pasangan bayi kembar siam.

FOTO: FACEBOOK HTA



Bayi kembar siam berusia 17 hari berjaya dipisahkan dalam masa 66 minit tanpa komplikasi besar.



Pasukan pakar, jururawat dan staf dewan bedah kanak-kanak yang terlibat secara langsung bagi menjayakan pembedahan bersejarah itu.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 10**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

## Kes positif terus menurun

**PUTRAJAYA:** Malaysia terus mencatatkan penurunan kes positif Covid-19 semalam apabila merekodkan sebanyak 22,341 kes positif berbanding kelmarin, 24,241kes sekali gus diatasi 33,347 kes sembuh.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit Covid-19 yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam, merekodkan sedikit peningkatan 390 kes berbanding kelmarin, 383 kes.

Katanya, jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan merekodkan penurunan kepada 219 kes berbanding kelmarin, 222 kes.

"Bagi kluster Covid-19 baharu pula merekodkan enam kluster berbanding kelmarin, tiga kluster sekali gus menjadikan jumlah kluster terkumpul sejak pandemik melanda negara iaitu 6,911 kluster.

"Kluster aktif Covid-19 menurun kepada 316 kluster berbanding kelmarin, 332 kluster manakala jumlah kluster yang telah tamat sebanyak 6,595 kluster," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, sebanyak 153 kes daripada 22,341 kes positif Covid-19 hari ini, adalah kategori tiga, empat dan lima.

Katanya, baki kes harian, 22,188 kes adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Bagi 153 kes kategori tiga, empat dan lima, 48 kes atau 31.37 peratus tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi;61 kes atau 39.87 peratus telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak; 44 kes atau 28.76 peratus telah menerima dos penggalak.

"Selain itu, 96 kes atau 62.75 peratus berumur 60 tahun dan ke atas dan 71 kes atau 46.41 peratus mempunyai komorbid," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan kematian, jumlah kematian yang dilaporkan meningkat sebanyak 85 kes berbanding semalam, 59 kes.

# Budak dijangkiti kena tunggu 6 minggu sebelum divaksin

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kanak-Kanak berusia 5 hingga 11 tahun yang dijangkiti Covid-19 perlu menunggu tempoh enam minggu selepas sembuh daripada jangkitan itu sebelum menerima vaksin.

Berbeza dengan golongan dewasa, mereka tidak perlu menunggu dan sebaik sebaik disahkan sembuh dari jangkitan virus SARSCoV-2 itu mereka boleh menerima vaksin.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, tempoh itu wajar dipertimbangkan sebelum kanak-kanak terbabit diberikan vaksin Covid-19 bagi mendapatkan perlindungan sewajarnya.

Bagaimanapun, beliau berkata, ibu bapa boleh mendapatkan nasihat doktor terlebih dahulu



NOOR HISHAM ABDULLAH

sebelum mendapatkan vaksin untuk anak mereka selepas dijangkiti wabak itu.

"Selepas enam minggu boleh dipertimbangkan. Ya, perlu mendapatkan nasihat doktor terlebih dahulu kerana individu yang dijangkiti Covid-19 sudah ada imun semula jadi," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, bekas pesakit Covid-19 dewasa perlu menunggu tiga bulan untuk menerima suntikan vaksin, bagaimanapun, Jawatankuasa Khas Jaminan Bekalan Akses Vaksin Covid-19 (JKJAV) pada tahun lalu mengambil keputusan memansuhkan tempoh menunggu itu berdasarkan pendapat pakar.

Walaupun bukti terkini menunjukkan jangkitan semula jadi virus itu menghasilkan perlindungan yang baik terhadap jangkitan semula selama sekurang-kurangnya tiga bulan, namun kemunculan varian baharu virus ini menyebabkan ada keperluan pemberian vaksin lebih awal dari tempoh ditetapkan sebelum ini.

Dengan kemunculan varian Omicron yang lebih mudah menjangkiti, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin baru-baru ini memberitahu, seramai 119,719 kanak-kanak berusia bawah 12 tahun dijangkiti Covid-19 bagi tempoh Januari hingga pertengahan bulan ini, susulan penularan varian tersebut.

Daripada jumlah itu, 37,845 kes kategori satu manakala kategori dua (81,849 kes), kategori tiga (274 kes), kategori empat (86 kes) dan kategori lima (25 kes) dan risiko jangkitan varian Omicron meningkat sekiranya kanak-kanak itu mempunyai komorbid atau tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi.

Kadar kemasukan kanak-kanak ke wad Pusat Penjagaan Intensif Pediatrik (PICU) bagi kategori tiga hingga lima meningkat sebanyak 94 peratus dan keadaan kritikal boleh berlaku kepada kanak-kanak akibat jangkitan Covid-19 adalah *'Multi System Inflammatory Syndrome in Children* (MIS-C) yang mana terjadinya keradangan pada organ dalaman terutama jantung, paru-paru dan otak.

# HTA berjaya bedah kembar siam pramatang

**KUALA LUMPUR:** Buat pertama kalinya, Malaysia melakar sejarah apabila berjaya memisahkan kembar siam pramatang pertama seberat 2.7 kilogram (kg) semalam di Hospital Tunku Azizah (HTA), di sini dalam masa 66 minit tanpa komplikasi major.

Ia dilakukan sekumpulan 13 doktor pakar diketuai Pakar Perunding Pembedahan Kanak-Kanak HTA, Datuk Dr. Zakaria Zahari serta enam lagi Pakar Bedah Kanak-Kanak dari seluruh negara.

Turut terlibat ialah pasukan bius kanak-kanak diketuai Pakar Perunding Bius Kanak-Kanak HTA, Dr. Intan Zarina Fakir Mohamed dan Pakar Perunding Bius Kanak-Kanak HTA, Dr. Ruwaida Isa serta hampir 20 jururawat dan kakitangan dewan bedah kanak-kanak.

Dr. Zakaria berkata, pembedahan seumpamanya biasanya dilakukan pada umur tiga hingga enam bulan.

"Namun disebabkan komplikasi *'extrauterine twin-to-twin transfusion syndrome'*, pasangan ini terpaksa menjalani pembedahan segera pada umur 17 hari.

"Bayi kembar lelaki ini dilahirkan di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh pada usia 33 minggu kandungan



**SEKUMPULAN doktor pakar dan jururawat berjaya memisahkan kembar siam pramatang pertama di HTA, Kuala Lumpur. - IHSAN HTA**

dan dirujuk oleh Pakar Neonatologi HRPB, Dr. Maneet Kaur Ranjuth Singh untuk rawatan lanjut di HTA," katanya dalam hantaran Facebook HTA di sini.

Keputusan untuk melakukan pembedahan berisiko tinggi itu disepakati selepas perbincangan di antara doktor-doktor pakar HRPB dan HTA secara atas talian pada 15 Mac pukul 2 petang.

Dalam pada itu, Dr. Zakaria berkata, kembar siam jenis 'Omphalophagus' ini didapati berkongsi bahagian hati (liver) dan organ-organ lain didapati normal.

"Proses persediaan untuk pembedahan dimulakan seawal pukul 7.30 pagi dan kedua-dua bayi kemudiannya dihantar balik ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) pada pukul 2 petang.

"Dengan sokongan pasukan Neonatologi yang diketuai Pakar Perunding Neonatologi HTA, Dr. Neoh Siew Hong dan jururawat NICU HTA, diharapkan kedua-dua bayi ini dapat sembuh dengan sebaik-baiknya," katanya.

**AKHBAR** : UTUSAN MALAYSIA
**MUKA SURAT** : 22
**RUANGAN** : GAYA.FOKUS

Dari muka 21

**TANGGUNG JANGKITAN TERUK**

Amat menyedihkan apabila melihat ibu bapa yang datang dengan membawa anak yang tenat, tidak selesa dan perlukan bantuan pernafasan serta organ yang terkesan akibat jangkitan Covid-19.

Prof. Madya Dr. Anis Siham berkata, kemasukan kanak-kanak ke wad dan ICU mendadak dari Januari hingga Mac dan sepanjang tiga minggu itu, terdapat 17 kematian kanak-kanak di seluruh negara dengan 12,000 di bawah usia 0 sehingga 4 tahun dan 13,000 berusia 5 hingga 11 tahun dijangkiti.

"Itu yang kami lihat. Malah kadar ketenatan juga lebih teruk. Penyakit radang bermula dari jangkitan Covid-19 yang pertama dan mereka datang dengan keadaan badan diserang oleh sistem imun sendiri. Selalunya kesannya lebih kurang serangan jantung.

"Boleh bayangkan sakit yang dihadapi oleh kanak-kanak apabila dijangkiti virus ini. Ada yang terpaksa dicuci darah mereka dengan mesin pada usia kurang daripada sebulan umurnya," katanya.

Kanak-kanak boleh dapat dua jenis kesan jangkitan iaitu kesan terhadap badan dan kesan radang jangkitan kuman yang biasanya berlaku selepas dua hingga enam minggu yang diturut dipanggil sebagai sindrom keradangan pelbagai dalam kalangan kanak-kanak (MISC).

Mereka yang dirawat dibahagikan kepada beberapa kategori. Pada 2021, kebanyakannya adalah dalam kategori rendah tapi kini semakin ramai yang masuk ke wad dengan kategori 4 dan 5 iaitu memerlukan bantuan pernafasan.

Mereka turut berisiko mengalami jangkitan yang turut menyerang paru-paru, serangan jantung, saraf dan otak.

# PICK khusus melindungi kanak-kanak



KANAK-KANAK perlu diberi vaksin bagi mengelakkan mereka daripada menanggung kesan buruk sehingga membawa maut kerana tidak menerimanya.

PROGRAM Imunisasi Covid-19 (PICK) untuk kanak-kanak adalah satu langkah kesihatan awam dan diperkenalkan untuk mengawal serta mencegah jangkitan selain sebagai komplimentari kepada rawatan sejak 3 Februari lalu.

Dr. Saidatul Norbaya berkata, sebanyak 98.7 peratus dewasa sudah menerima vaksin apabila program imunisasi ini bermula pada Mac 2020. Manakala 91.4 peratus remaja berusia 12 hingga 17 tahun sudah menerima vaksin.

"Jadinya golongan kanak-kanak belum terima vaksin adalah mereka yang berusia 5 hingga 11 tahun. Mereka yang mendapat vaksinasi tidak semestinya tidak akan dapat jangkitan khususnya kanak-kanak yang baru dapat satu dos kerana mereka masih terdedah kepada jangkitan Covid-19," katanya.

Sejak 3 Februari sehingga 13 Mac, seramai 1.15 juta kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun menerima dos pertama iaitu merangkumi 32 peratus kanak-kanak di Malaysia. Masih ada lagi 68 peratus kanak-kanak belum tampil untuk mendapatkan vaksin.

Jumlah kanak-kanak menerima vaksin paling tinggi adalah di Lembah Klang tetapi jumlah yang rendah di beberapa negeri adalah rendah seperti di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Kedah.

"KKM sudah meluluskan Coronav sebagai vaksin kedua untuk kanak-kanak. Semakin hari makin bimbang apabila jumlah kes mencecah antara 12,000 hingga 20,000 sehari. Ibu bapa boleh memohon untuk mendapatkan suntikan vaksin ini.

"Malah sedang mendapatkan lebih ramai ibu bapa menerusi kerjasama dengan pemegang taruh kesihatan, sosial dan agama untuk meningkatkan capaian vaksinasi dalam kalangan kanak-kanak," katanya.



> "Sejak 3 Februari sehingga 13 Mac, seramai 1.15 juta kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun menerima dos pertama iaitu merangkumi 32 peratus kanak-kanak di Malaysia."

# 'Kita bukan bahan eksperimen, tikus ujian'

KANAK-KANAK perlu diberi vaksin bagi mengelakkan mereka menanggung kesan buruk sehingga membawa maut kerana tidak menerima vaksin.

Datuk Dr. Musa berkata, risiko maut akibat covid 40 kali ganda bagi individu tidak divaksin. Di Amerika Syarikat, banyak penolak vaksin. Risiko mereka meninggal dunia akibat Covid-19 adalah 100 kali ganda.

"Vaksin Pengutus RNA (MRNA) amat berkesan dan sudah menyelamatkan jutaan nyawa. Jadi, jangan risau kerana kita bukan lagi bahan eksperimen. Kita bukan lagi tikus ujian. Kita sudah melepasinya," katanya.

MRNA tidak menggunakan teknologi baharu, sebaliknya sudah ditemui sejak 1960. Kini, sudah ada sembilan vaksin MRNA dalam kajian. Sebelum ini MRNA pernah digunakan dalam penghasilan vaksin Influenza, zika, nipah dan HIV tetapi Covid sudah dapat dianjak dengan begitu pantas disebabkan pelaburan berbilion ringgit bagi menyelamatkan jiwa dan nyawa manusia.

"Teknologi ini seperti teknologi *hepatitis B*, teknologi *influenza* dan teknologi vaksin kanser pangkal rahim (HPV) iaitu ia memberi badan kita sub unit protein untuk *covid spike* protein. Hanya cara diberikan berbeza.

"MRNA dimasukkan ke dalam selaput nanopartikel yang bila dicucuk hanya masuk ke dalam ruang di luar nukleus. Kemudian MRNA yang mengeluarkan *spike protein* pergi ke salur darah dan merangsang badan kita untuk mengeluarkan antibodi," katanya.

Kajian menunjukkan kaedah MRNA paling berkesan berbanding vaksin lain. Hingga kini 4 bilion dos sudah digunakan di seluruh dunia.

Hanya dua kesan sampingan yang besar iaitu setengah jam pertama, mungkin berlaku *anafilaksis* (alahan teruk) atau selepas suntikan, penerima mungkin mengalami tidak sedar, tekanan darah turun dan memerlukan bantuan pernafasan (CPR).

"Namun ia jarang berlaku iaitu hanya dua dalam sejuta. Kesan kedua pula adalah radang jantung yang juga berlaku satu dalam satu juta penerima vaksin.

"Kalau kena Covid-19, risiko untuk dapat serangan jantung adalah 40 kali ganda. Kalau anak kena MISC, risiko untuk kena serangan radang otot jantung atau myocarditis adalah antara 75 hingga 100 peratus," katanya.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 23**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

Risiko myocarditis dalam kalangan kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun amat kurang apabila kanak-kanak menerima vaksin Covid-19. Malah katanya, jangan ingat vaksin sinovac lebih selamat kerana ia pun berisiko menyebabkan myocarditis tetapi dengan kadar rendah iaitu 0.6 dalam satu juta penerima.

**KEBERKESANAN & RISIKO SUDAH DINILAI**

Vaksin digunakan di Malaysia sudah didaftarkan dan produk berkenaan turut dinilai bukan saja daripada segi keberkesanannya tetapi juga risiko keselamatannya.

Dr. Azuana menjelaskan, penyelidikan membuktikan ia selamat dan berkesan.

"Bila tengok kajian yang dihantar kepada NPRA untuk didaftarkan, kita sudah tahu risikonya. Jadi bila kita melancarkan, kita sudah ambil langkah untuk mengurangkan risiko atau kesan sampingannya.

"Justeru ibu bapa tidak perlu risau kerana pemilihan vaksin tidak dibuat secara semborono. Kesan sampingan AEFI yang dialami penerima vaksin pun, sebenarnya belum disahkan ada hubungkait dengan vaksin. Di negara lain, mereka turut memantau risiko serta kesan setiap vaksin termasuk oleh syarikat pengeluar supaya dapat kesan dengan cepat," katanya.

KKM juga berkongsi secara berkala dengan masyarakat mengenai laporan kesan AEFI diterima menerusi paparan di laman sesawangnya dan NPRA setiap hari Rabu.

Bagaimanapun, laporan diterima itu tidak semestinya sudah sah ada hubungkait dengan vaksin. Statistik itu adalah hanya laporan.

"Kita turut bandingkan data dengan negara lain. Setakat 4 Mac lalu, sebanyak 141 laporan kesan AEFI diterima dengan kadar 150 laporan setiap juta. Kalau dibandingkan keseluruhan kadar adalah 380 untuk sejuta dos yang diberi.

"Nampak kesannya lebih rendah dalam kalangan kanak-kanak. Sama dengan apa yang dilihat menerusi kajian klinikal yang dibuat sebelum produk kombinasi untuk kanak-kanak ini didaftarkan," katanya.

Katanya lagi kalau dibandingkan statistik badan regulatori di negara lain, daripada 1.2 juta dos, mereka terima 836 laporan.

Kesan myocarditis belum nampak lagi dalam kanak-kanak di Malaysia tetapi di Australia ada menerima 17 laporan sehingga 4 Mac lalu tetapi cuma dua yang disahkan mengalami kesan ke atas jantung.

Apa yang dilaporkan di Malaysia selari dengan badan regulatori di negara lain dengan majoriti mengalami kesan tidak serius seperti lebam pada kulit akibat suntikan, demam, pengsan yang disebabkan rasa bimbang untuk disuntik.

Laporan serius ada empat setakat ini dengan tiga dimasukan ke hospital untuk pemantauan dan mereka sudah sembuh. Manakala satu dibawa selepas meninggal dunia dan selepas siasatan dilakukan, mereka ada masalah kesihatan lain.



**PROGRAM Imunisasi Covid-19 (PICK) diperkenalkan untuk mengawal dan mencegah jangkitan selain sebagai komplimentari kepada rawatan.**




**Di negara lain pun mereka memantau risiko serta kesan setiap vaksin termasuk oleh syarikat pengeluar supaya dapat kesan dengan cepat. - GAMBAR HIASAN**

## Soalan berkaitan vaksin

**ADAKAH kanak-kanak G6PD dan mengalami masalah jantung boleh terima vaksin?**

Boleh.

**Kalau sudah ada vaksin pneumokokal dan influenza, adakah anak perlu dapatkan vaksin Covid?**

Perlu kerana vaksin itu tidak akan melindungi mereka daripada jangitan Covid-19.

**Bolehkah anak yang ada alahan rhinitis mengambil vaksin?**

Sekiranya mengalami alahan yang teruk pada suntikan pertama, berbincang dengan doktor untuk suntikan kedua.

**Adakah penghidap ekzema boleh menerima suntikan vaksin?**

Boleh.

**Bila masa sesuai mereka yang sedang dalam kuarantin untuk ambil vaksin?**

Sebelum ini KKM menetapkan tempoh tiga bulan selepas Covid tetapi kajian menunjukkan anak yang sudah sihat boleh dapatkan vaksin covid sebaik sembuh.

Ini disebabkan Omicron yang boleh merebak dengan pantas. Dapatkan anak vaksin Pfizer supaya boleh melindungi mereka daripada komplikasi MISC yang menyebabkan radang otak, jantung, paru-paru dan ginjal. Ia melindungi 91% anak daripada jangkitan Covid-19.

**"Setakat ini kesan sampingan AEFI yang dialami oleh penerima vaksin sebenarnya belum disahkan ada hubungkait dengan vaksin."**

**Sekiranya anak ada sejarah sawan, adakah vaksin ini selamat?**

Kalau ada reaksi teruk, dapatkan nasihat doktor. Kebanyakan penyakit kronik sepatutnya penting diberi vaksin bagi melindungi mereka daripada kesan jangkitan yang lebih teruk.

**Kenapa risiko Covid-19 ditanggung sendiri bukan KKM?**

Kalau berlaku apa-apa kesan, ibu bapa masih boleh bawa kes ini kepada NPRA dan memohon kepada tabung untuk mendapatkan bantuan khas. Mereka yang terbukti terkesan boleh memohon. Kriteria kelayakan boleh disemak di laman sesawang KKM. Ada garis panduan dan salah satunya, kesan yang dihadapi adalah serius termasuk kematian.

Setiap permohonan akan dinilai jawatankuasa dan urusetia iaitu NPRA yang akan menentukan kesan berdasarkan siasatan dijalankan.

**KALAU anak ada reaksi teruk, dapatkan nasihat doktor.**



**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY**

COVID-19 UPDATES

# 85 deaths, including 23 BID, on Saturday

**KUALA LUMPUR:** Another 85 Covid-19-related deaths were recorded on Saturday, bringing the nation's death toll to 34,329.

Of the 85 deaths, 23 were brought-in-dead (BID) cases, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah in a statement yesterday.

He said Malaysia recorded 22,341 new cases on Saturday, raising the total infection to 3,974,019. However, the majority of the cases were in Categories 1 and 2.

Of the fresh cases, 524 were imported (497 Malaysians and 27 foreigners), while the remaining 21,817 were local transmissions (20,910 Malaysians and 907 foreigners).

"From the new infections reported, 10,181 (45.57 per cent) were in Category 1; 12,007 (53.75 per cent) in Category 2; 58 (0.26 per cent) in Category 3; 45 (0.20 per cent) in Category 4; and 50 (0.22 per cent) in Category 5.

"Of 153 cases reported in Categories 3, 4 and 5; 48 cases involved unvaccinated or partially-vaccinated individuals; 61 cases were individuals who have been fully-vaccinated but had not received their booster shots, and 44 cases were individuals who have been boosted.

"A total of 96 cases involved individuals aged 60 and above, with 71 cases of individuals with co-morbidities," he said.

Dr Noor Hisham added that a total of 390 patients had been admitted to the intensive care unit (ICU) and 219 required ventilator support.

He also said 33,347 patients had recovered and were discharged up to Saturday.

Malaysia, he said, also registered six new Covid-19 clusters, which brought the number of active clusters to 316.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said bed usage at ICUs for Covid-19 patients in seven states and two federal territories (FT) was above 50 per cent up to Saturday.

Kuala Lumpur and Putrajaya topped the list with 67 per cent, followed by Perlis with 64 per cent, Kelantan (63 per cent), Johor (59 per cent), Selangor (58 per cent), Sarawak (53 per cent), and Perak and Penang with 51 per cent.

Nine states and two FTs were using more than 50 per cent of their non-ICU beds for Covid-19 cases.

"As for Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centres (PKRC), all states and FTs reported usage below 50 per cent, with the total utilisation rate at 16 per cent.

"Patients needing ventilator support has decreased to 217, with utilisation rates at 25 per cent," he said.

Dr Noor Hisham added that there were differences between the data of Covid-19 hospitalisations and cases of different categories logged daily.

This, he said, was due to the dynamic clinical condition of patients, where their situation could worsen or improve over time.

He added that the country's Rt value was at 0.92 up to Saturday.

"Sarawak registered the highest Rt at 1.06, followed by Kuala Lumpur at 1.03, Negri Sembilan and Perak (1.01), Terengganu and Putrajaya (1.00), Penang and Selangor (0.98), Melaka (0.97), Johor and Pahang (0.95), Kedah (0.91), Perlis (0.88), Kelantan (0.87), Labuan (0.73) and Sabah (0.65).

Meanwhile, according to the Health Ministry's data on CovidNow, there were 283,275 active cases in the country.

A total of 273,974 individuals were undergoing home quarantine. There were 1,747 patients at PKRCs and 7,164 in hospitals.



*The medical staff of Tunku Azizah Hospital in Kuala Lumpur with the conjoined twins who were separated on Saturday.* PIC FROM TAN SRI DR NOOR HISHAM ABDULLAH'S FB PAGE

10-HOUR SURGERY

# 17-DAY-OLD CONJOINED TWINS SEPARATED

## Doctors at KL hospital make history in successful operation to separate baby boys

NOR AIN MOHAMED RADHI
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

MALAYSIA made history when a pair of premature 17-day-old conjoined twins were successfully separated on Saturday at the Tunku Azizah Hospital (HTA) here.

HTA paediatric surgery head Datuk Dr Zakaria Zahari said a surgery of this nature was usually performed when patients were between 3 and 6 months old.

"However, due to extrauterine twin-to-twin transfusion syndrome, the 2.7kg twins had to undergo immediate surgery at the age of 17 days," he said in a statement on the HTA Facebook page.

He said the twins were successfully separated within 66 minutes without complications.

"The conjoined twins of omphalopagus type shared a liver while other organs were normal."

Dr Zakaria said preparations for the surgery began as early as 7.30am, and the twins were sent back to the neonatal intensive care unit at 2pm.

The pair of twin boys, who were born at the Raja Permaisuri Bainun Hospital in Ipoh at 33 weeks, were referred to HTA.

Dr Zakaria, together with six other paediatric surgeons and a paediatric anaesthesia team, along with 20 nurses and paediatric operating room staff members, were involved in the operation.

This was the third such surgery performed at the hospital since it was opened.

Meanwhile, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah congratulated the HTA team led by Dr Zakaria in a Facebook post.

"*Alhamdulilah*, the twins have been successfully separated and are being treated in the intensive care unit."

He added that the surgery took 10 hours, requiring a total of seven bags of blood, including blood components, to ensure that the twins were stable and safe throughout the surgery.

*Page I pic: Surgeons at Tunku Azizah Hospital in Kuala Lumpur operating on the conjoined twins on Saturday.*

LOW VAX RATE

# 'Malays the majority in refusing vaccination in Kelantan'

**MACHANG:** The Kelantan government has acknowledged that its Malay community formed the majority of those who have yet to opt for Covid-19 vaccination.

State Local Government, Health and Housing Committee chairman Dr Izani Husin said the state not only had a low vaccination rate for adults, but also for children aged between 5 and 11 under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids).

Dr Izani said they had not only refused to receive the booster jab, but also the first and second vaccine doses.

"This is extremely disappointing, especially given that we are about to transition to the endemic phase," he said after attending a gotong-royong at Dataran Machang yesterday.

Dr Izani said he believed many locals had refused to take the vaccination after being influenced by others and reading false information online on the vaccines and their side effects.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NATION**

# Days-old conjoined twins separated

## Risky operation on the premature newborns a historic success for country

By IMRAN HILMY
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** A pair of 17-day-old conjoined twins has been successfully separated by a surgical team at Hospital Tunku Azizah (HTA) here, a historic first for the country.

"Such operations are normally conducted when the babies are at three to six years old, but due to the complication of 'extrauterine twin-to-twin transfusion syndrome', the operation had to be conducted immediately when they were only 17 days old," said HTA paediatric surgery consultant specialist Datuk Dr Zakaria Zahari.

He said the twins, weighing 2.7kg, were successfully separated on Saturday in 66 minutes.

News of the operation, the first successful separation of premature conjoined twins in Malaysia, was posted on HTA's Facebook page yesterday.

The "omphalopagus" type of conjoined twins means that they share their liver while other organs are normal.

The boys were born at Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) in Ipoh when their mother was only 33 weeks into her pregnancy.

HRPB neonatology specialist Dr Maneet Kaur Ranjuth Singh then referred the twins to HTA for further treatment.

After an online discussion between HRPB and HTA specialist doctors at 2pm on March 15, a decision was made to conduct the risky surgery.

On Saturday, Dr Zakaria's team, which included six paediatric specialists from all over the country, a paediatric anaesthetics team led by Dr Intan Zarina Fakir Mohamed and Dr Ruwaida Isa, as well as about 20 nurses and staff at the paediatric operating theatre, separated the twins without any major complications.

The preparation for the historic operation began at 7.30am. By 2pm, the twins were sent to the neonatal intensive care unit.

The HTA neonatology team is led by Dr Neoh Siew Hong and nurses.

This is the third operation involving conjoined twins at the HTA since its opening.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah congratulated the team, saying that it was a job well done.

"The surgery had to be done urgently as the twins were exhibiting extrauterine twin-to-twin transfusion, pushing one twin to develop cardiac failure," he said.

He also posted pictures on Facebook and Twitter, showing the triumphant team at work.

The Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, and the Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, also congratulated the HTA for successfully conducting the first separation of premature conjoined twins in Malaysia.

Istana Negara, in a Facebook posting, said Their Majesties expressed their gratitude that the conjoined twins went through the operation without major complications.

"Their Majesties prayed that the conjoined twins would be in good health and recover quickly and be able to live a life like other children," said the posting.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NATION**

# No more booster dose wait for recoveries

**PETALING JAYA:** Those who have just recovered from Covid-19 may now get their vaccine booster dose immediately.

Previously, newly-recovered patients, who were fully vaccinated earlier, had their booster dose appointments postponed for three months to ensure that they received optimum protection from the jab.

Yesterday, ProtectHealth Corporation Sdn Bhd CEO Anas Alam Faizli said patients were now allowed to take their booster shot immediately after recovery and upon consultation with the vaccinating doctor.

"Please get your booster dose vaccination urgently," he said yesterday.

He said there were about 7.5 million adults in Malaysia yet to get their booster shots.

In a letter dated March 16, it was noted that there had been an increase in requests for booster dose vaccinations in view of the latest Covid-19 situation.

The letter, from the office of the deputy Health director-general (public health) and signed by Datuk Dr Chong Chee Keong, stated that to ease and expedite the administration of booster doses, individuals with breakthrough infections would now be allowed to get the jabs once they recovered and consulted with the vaccinating doctor.

Cases of Covid-19 being contracted after full vaccination are referred to as breakthrough infections.

Starting today, the public may fix their booster dose appointments, including choosing the date, time and venue, through MySejahtera.

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

# 68.2 million vaccine doses administered

**KUALA LUMPUR:** A total of 1,239,194 children aged five to 11 (34.9% of the group) have received their first dose of Covid-19 vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Saturday.

According to the CovidNOW website, 2,941,159 adolescents aged 12 to 17 (94.6% of the group) have received at least one dose, including 2,842,480 (91.4% ) who have been fully vaccinated.

A total of 15,446,895 of the adult population (65.7%) have received booster shots and 23,217,449 (98.7%) have received at least one dose, including 22,941,756 (97.5%) who have been fully vaccinated.

On Saturday, 40,418 doses of the vaccine were administered, with 18,273 as first doses, 1,709 as second shots and 20,436 boosters, bringing the cumulative total doses given under the National Covid-19 Immunisation Programme to 68,418,688.

According to the Health Ministry GitHub portal, 85 deaths due to Covid-19 were recorded on Saturday, with Johor reporting the highest number at 18 cases, followed by Perak with 17 cases, Selangor with 15, Kedah with 10 and Penang with five.

Pahang and Malacca reported four cases each, Kuala Lumpur and Kelantan recorded three cases each, Sabah and Sarawak had two cases each while Terengganu and Putrajaya each registered one case. – Bernama